

Banyak kelemahan punca kekalahan Berjaya - PM

KUALA LUMPUR 1 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, laporan awal yang diterimanya menunjukkan "bermacam-macam kelemahan" yang menyebabkan kekalahan Berjaya dalam pilihanraya Negeri Sabah.

Perdana Menteri bagaimanapun enggan menjelaskan apakah kelemahan-kelemahan itu.

Ini, katanya adalah kerana setakat ini beliau hanya menerima laporan dari satu punca sahaja dan beliau perlu mendapatkan maklum balas dari pihak-pihak lain sebelum membincangkan kekalahan Berjaya.

"Setakat ini saya hanya menerima laporan daripada satu sumber sahaja," katanya selepas menyaksikan pertunjukan belon "gajah raksasa" di sini hari ini.

Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh selaku Presiden Berjaya semalam menemui Perdana Menteri untuk memberi taklimat mengenai sebab-sebab Berjaya tewas.

Dalam pertemuan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir telah menasihatkan Datuk Harris supaya terus bertentang dalam menghadapi ke-

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

BANYAK KELEMAHAN PUNCA KEKALAHAN BERJAYA - PM

alahannya dalam pilihanraya Sabah.

Ditanya apa yang ditekankan semasa menemui Datuk Harris, Perdana Menteri berkata: "Saya meminta beliau supaya sentiasa bertenang."

Diminta mengulas kenyataan Datuk Harris semalam bahawa Perdana Menteri yakin Berjaya mempunyai masa depannya di Sabah, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan:

"Berjaya mengamalkan konsep kepartian pebagai kaum, keturunan dan agama dan konsep ini seharusnya diterima di Sabah." Beliau enggan mengulas lanjut.

Perdana Menteri juga memberitahu, beliau belum menetapkan tarikh mesyuarat Dewan Tertinggi BN untuk membincang masalah politik Sabah dan MCA.

Menjawab satu perta-

anyaan, Datuk Sri Dr. Mahathir yang kelihatan riang berkata, perjumpaannya dengan Datuk Harris semalam tidak menyentuh tentang soal pakatan Berjaya - USNO untuk menubuhkan kerajaan atau pemecatan parti tersebut dari Barisan Nasional.

Beliau juga tidak mahu menyentuh lebih lanjut mengenai soal kekurangan para pentadbir Melayu dan pertukaran mereka dari Kerajaan Negeri Sabah yang baru.

Perkara itu, katanya, adalah masalah pentadbiran negeri dan harus dilihat sebagai soal di peringkat negeri.

Berhubung dengan pandangan beberapa pemerhati politik termasuk bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman supaya peruntukan undang-undang yang membolehkan kerajaan

yang memerintah melantik enam orang anggota Dewan Undangan Negeri, beliau berkata perkara itu sudah terlewat difikirkan sekarang.

"Selalunya bila dah kalah baru nak fikir, sudah terlewat. Bila menang kita seronok," ujar beliau.

Ditanya mengenai pandangan beliau tentang pendapat setengah-setengah pihak kononnya Barisan Nasional kalah teruk kerana terlalu ramai pemimpin di peringkat pusat yang berkempen di Sabah menjelang pilihanraya negeri lalu, Datuk Sri Dr. Mahathir dengan tenang berkata, beliau tidak tahu dan tidak termasuk dalam golongan yang menyatakan demikian.

Diminta mengulas raman kononnya pilihanraya umum yang pada mulanya dirancang tahun ini terpaksa ditunda ke tahun depan

ekoran dari kekalahan BN di Sabah, Perdana Menteri sekali lagi menyatakan pendiriannya bahawa sesiapa sahaja boleh membuat sangkaan masing-masing.

"Kalau itu merupakan sangkaan orang, biar mereka membuat sangkaan, saya tak mahu berkata apa-apa."

Beliau juga enggan membuat sebarang kenyataan tentang ketidakhadiran pemimpin besar Islam dalam Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memenangi pilihanraya lalu.

Menyentuh soal lain, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan beliau akan kaji apa yang boleh dibuat dengan tuntutan CUEPACS berkaitan dengan soal gaji.

"Kita tengok dulu apa yang boleh dibuat dan saya tidak ada apa lagi yang nak ditambah," jawabnya ringkas.